

15/01/1997

Sidang AMM berlangsung di KL Julai ini

KUALA LUMPUR, Selasa - Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30 dan sidang-sidang berkaitan yang dijadualkan di sini tahun ini, akan berlangsung selama sembilan hari mulai 21 hingga 29 Julai ini.

Persidangan itu akan dimulai dengan Mesyuarat Pegawai Kanan Asean (SOM) pada 21 hingga 23 Julai, di susuli Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) pada 24 dan 25 Julai. Ini diikuti Forum Serantau Asean (ARF) Keempat selama sehari pada 27 Julai.

Jurucakap Wisma Putra berkata, persidangan keseluruhannya diakhiri dengan Sidang Selepas Mesyuarat Menteri Luar Asean (PMC) pada 28 dan 29 Julai.

Berdasarkan amalan lalu yang mana ketua kerajaan tuan rumah akan melancarkan AMM, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka berbuat demikian tahun ini.

Jurucakap itu berkata, tarikh perayaan itu belum ditetapkan dan mungkin dibincangkan ketika AMM berlangsung. Tahun ini juga mungkin mencatat sejarah jika cadangan menyatukan semua negara Asia Tenggara dalam keluarga Asean menjadi kenyataan.

Dalam Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Pertama Asean di Jakarta 30 November lalu, ketua-ketua kerajaan Asean bersetuju supaya pertubuhan itu menerima penyertaan Myanmar, Kemboja dan Laos serentak, dalam usaha mempercepat penyatuan semua 10 negara Asia Tenggara di bawah satu gagasan meskipun tarikhnya belum diputuskan.

Selain itu, Mesyuarat Kumpulan 15 (G-15) juga dijangka diadakan di ibu negara November ini.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, dijadual menghadiri Mesyuarat Peringkat Menteri Kesatuan Eropah (EU)-Asean di Singapura pada 14 dan 15 Februari ini.

(END)